



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KELAPAN BELAS  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

---

**PADA HARI SABTU, 25 REJAB 1443 / 26 FEBRUARI 2022  
(HARI KETIGA)**

**1. Doa Selamat.**

**2. PERKARA V - RANG UNDANG-UNDANG (2022) PERBEKALAN 2022/2023**

2.1. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mengemukakan Satu Rang Undang-Undang yang bergelar "***Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023, dan Untuk Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu***".

2.2. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah membentangkan kenyataan mukadimah "**Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023**" yang merangkumi perancangan-perancangan dan hala tuju bagi peruntukan kewangan negara bagi Tahun Kewangan 2022/2023 dengan tema "**Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosio-Ekonomi Yang Lebih Resilien**". Tumpuan belanjawan kerajaan akan diuruskan kepada 4 fokus utama iaitu:

- i. Memelihara kesejahteraan awam;
- ii. Menjamin sekuriti makanan;
- iii. Mendukung dan membantu sektor swasta agar berdaya tahan dan berkembang;
- iv. Meningkatkan kompetensi sumber manusia ke arah *Work and Future Ready*.

2.3. Pembentangan mukadimah "**Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023**" adalah merangkumi hal-hal ekonomi negara

antaranya Prestasi Ekonomi Negara, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan Kedudukan Fiskal Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2022/2023. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga telah membentangkan Kedudukan Ekonomi Global dimana Negara Brunei Darussalam telah mengalami impak defisit yang tertinggi pada tahun 2020/2021, pertumbuhan yang kukuh dari Sektor Bukan Minyak dan Gas, serta impak penularan pandemik COVID-19 terhadap Fiskal kerajaan.

2.4. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang yang dibentangkan tersebut.

2.5. Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara telah membukakan untuk perbahasan "Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan 2022/2023" dan beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah ikut serta dalam membahaskan Rang Undang-Undang:

i. Yang Berhormat Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari;

- Mencadangkan Jabatan Perkhidmatan Awam supaya menggalakkan ketua jabatan dan ketua bahagian untuk membuat sokongan kenaikan pangkat kepada pegawai yang sudah berkhidmat selama 15 tahun dan yang menunjukkan pencapaian yang baik, dan juga menyokong kakitangan *Division V* kepada *Division IV* memandangkan ada di kalangan di dalam *Division V* sudah berkhidmat selama 20 tahun kerana pendidikan yang tidak tinggi, walhal sudah mempunyai pengalaman dan kemahiran yang mencukupi.

ii. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad;

- Mencadangkan untuk meningkatkan program pembangunan atlet di peringkat bawah umur 12 tahun ke peringkat *senior*.
- Mencadangkan untuk pembangunan sekolah sukan serta sukan di institut - institut pendidikan dapat diambil

inisiatif-inisiatif seperti “1 Sukan 1 Pelajar”, biasiswa sukan dan juga dokongan akademik di peringkat pelajar tinggi.

- Mencadangkan agar industri sukan dijadikan sebagai kerjaya aktiviti untuk menjana pendapatan.

iii. Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman;

- Ingin mengetahui jika beberapa projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 yang tertunda akan dibawa ke hadapan untuk dilaksanakan bersama Rancangan Kemajuan Negara Ke-12.
- Mencadangkan untuk melaksanakan *midterm review* ke atas projek-projek Rancangan Kemajuan Negara agar dapat mencapai sasarannya.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]**

---

2.6. Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara telah menyambung untuk membahaskan “Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan 2022/2023” dan beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah ikut serta dalam membahaskan Rang Undang-Undang:

i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

- Mengambil perhatian mengenai dengan beberapa projek yang akan diberi keutamaan, seperti projek pertanian, industri agrikultur, penanaman padi dan ternakan dan sebagainya dan seterusnya berharap pelaksanaannya akan membawa rahmat dan rezeki kepada rakyat di negara ini.

- Memohon agar inisiatif-inisiatif untuk menjana ekonomi negara dapat diteruskan dengan penyediaan rang perbelanjaan ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengan penjanaan ekonomi akan terus memberi faedah kepada rakyat.

ii. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:

- Menyoalkan sejauh mana penularan COVID-19 di negara ini memberi kesan kepada sektor penternakan telur ayam bagi memastikan bekalan makanan terutamanya bekalan telur domestik sentiasa mencukupi dan terjamin.
- Menyoalkan langkah-langkah yang diambil dalam memastikan bekalan ubat anti-viral akan sentiasa mencukupi.
- Ingin mengetahui status bekalan *Antigen Rapid Test* (ART) kit yang amat diperlukan disebabkan oleh peningkatan kes COVID-19.
- Ingin mengetahui jika pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk melantik ejen bagi membekalkan barangan keperluan asas di kawasan pendalaman untuk mengelak harga barangan yang dijual dengan harga yang tinggi.
- Ingin mengetahui bilangan pasar tani dan peserta-peserta mengikut daerah dan jika hasil pengeluaran pertanian tempatan mampu menampung keperluan penduduk serta langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan dalam merencanakan kecukupan bekalan tempatan di semua peringkat daerah.
- Menyoalkan langkah-langkah pihak Kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan terhadap makanan import dan dalam menjamin keselamatan makanan terutamanya di masa-masa kecemasan.
- Ingin mengetahui jika ada perancangan pihak kementerian dalam menambahbaik sistem pembelajaran

talian internet bagi pelajar-pelajar terutama yang berada di kawasan pendalaman.

- Ingin mengetahui tentang perancangan penghasilan vaksin COVID-19.
- Menyoalkan peruntukan untuk membina program yang menawarkan peluang pekerjaan di sektor kerajaan kepada orang kurang upaya.
- Mencadangkan agar syarikat-syarikat swasta dapat melibatkan diri dalam menyediakan komputer riba atau internet kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan atau dari kalangan keluarga yang berpendapatan rendah.

iii. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:

- Menyatakan harapan agar inisiatif-inisiatif yang bertemakan "**Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosio-Ekonomi Yang Lebih Resilien**" akan dapat mengembangkan ekonomi negara dan membuka ruang-ruang pekerjaan kepada anak-anak tempatan menerusi projek-projek perusahaan.

iv. Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh;

- Mencadangkan perbekalan adalah secara *ad hoc* atas sebab pembelian-pembelian *Antigen Rapid Test* (ART) kit dan sebagainya akan berterusan dan tidak dirancang dalam bajet-bajet kementerian, seterusnya mencadangkan untuk setiap kementerian agar membuat peruntukan bajet perbelanjaan berkaitan dengan COVID-19.

v. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong

- Ingin mengetahui projek-projek mana yang telah dilaksanakan dalam tempoh tahun-tahun yang berlalu yang mendatangkan hasil pendapatan kepada ekonomi negara.

- Berharap agar cadangan-cadangan dibawah peruntukkan rancangan bagi Tahun Kewangan 2022/2023 yang dihadapkan dapat ditunduki secara berkesan dan cepat supaya boleh menguntungkan negara dan komuniti.
  - Berharap juga agar produk-produk tempatan yang dikemukakan oleh pelbagai projek tempatan seperti projek *incubation*, projek industri kecil dan sederhana, projek "Satu Kampung Satu Produk" (1K1P) dan juga produk ciptaan pertandingan Anugerah Teknologi Info-komunikasi Brunei (BICTA) boleh dilaksanakan untuk membantu ekonomi dan kesejahteraan negara.
- vi. Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman:
- Ingin mengetahui pilihan lain (jika ada) mengenai strategi-strategi yang sedang dilaksanakan serta cara mengatasi isu defisit di jangka panjang ini.
- 2.7. Mesyuarat telah mengundi bagi Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan 2022/2023 dan kesemua Ahli Yang Berhormat telah bersetuju.
- 2.8. Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan 2022/2023 telah dijadikan sebahagian daripada jadual.

### **3. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**3.1.** Mesyuarat telah menimbang Bab 2 Ceraian (1) dan (2). Memandangkan tiada perbahasan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, maka Bab 2 Ceraian (1) dan (2) daripada Kertas Majlis telah diundi dan telah dijadikan sebahagian daripada Jadual.

#### **3.2. KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

3.2.1. Tajuk SC01A Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dibincangkan dan dimulakan dengan mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua) mengenai Anggaran Perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

3.2.2. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua):

- i. Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon;
  - Ingin mengetahui sejauh mana perancangan atau persiapan dalam memantapkan *Standard Operating Procedure* (SOP) di perwakilan-perwakilan yang berada di luar negeri bagi memantau dan memastikan kesejahteraan warga Negara Brunei Darussalam semasa berada di luar negeri.
  - Ingin mengetahui, jika sekiranya ada yang melibatkan warga Negara Brunei Darussalam terjejas disebabkan wabak COVID-19 dan proses pemulangan jenazah balik ke Negara Brunei Darussalam.
- ii. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:
  - Ingin mengetahui perancangan dasar pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mengenai bangunan "Bubungan Dua Belas" yang mengandungi pengisian yang amat penting sebagai sebuah mercu tanda atau *landmark*, agar dapat dibaikpulih dan diambil minat oleh orang-orang awam.

3.2.3. Tajuk SC01A Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

### **3.3. JABATAN PERDANA MENTERI**

3.3.1. Jawatankuasa telah menimbangkan Anggaran Perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri iaitu di bawah tajuk-tajuk SA01A – SA10A.

3.3.2. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kementerian Kewangan dan Ekonomi II (Kedua) telah menyampaikan mukadimahnyanya mengenai dengan hala tuju anggaran Jabatan Perdana Menteri.

3.3.3. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (Kedua):

i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:

- Ingin mengetahui perkembangan dalam memodernisasikan perkhidmatan pihak kerajaan kepada masyarakat.
- Menyoalkan bagaimana sektor kerajaan menunduki isu progresif *minimum wage* mengikut kelulusan dan pengalaman sepertimana yang dilakukan oleh pihak swasta.
- Menyarankan untuk mengkaji semula tangga gaji agar pihak kerajaan boleh menghadapi isu-isu berkenaan seperti *talent retention*.
- Menyoalkan berapa ramai kakitangan dan pegawai di dalam sektor awam yang telah berhenti untuk mencari gaji dan persekitaran kerja yang lebih baik di sektor swasta.
- Ingin mengetahui jika pihak kerajaan mengadakan *exit interview* untuk pegawai yang berhenti agar boleh mengetahui dan memastikan tidak ada ketirisan dalam kerjaya individu tersebut.
- Menyoalkan apa usaha pihak kerajaan dalam menangani isu *talent retention* bagi semua bahagian tangga gaji dan usaha pihak kerajaan dalam memberi perancangan yang sistematik bagi persediaan persaraan yang lebih mampan.
- Ingin mengetahui usaha-usaha pihak kerajaan dalam memastikan gaji yang diberikan dalam jawatan adalah bersesuaian dengan kelulusan dan pengalaman yang dimiliki.
- Mencadangkan agar pihak kerajaan menilai semula tangga gaji bagi seluruh jentera kerajaan dan merancang semula program kerjaya bagi semua jentera perkhidmatan awam agar boleh disediakan dengan lebih baik.



- ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:
  - Ingin mengetahui usaha Radio Televisyen Brunei (RTB) dalam meningkatkan jumlah keramaian penonton.
- iii. Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon:
  - Ingin mengetahui perkembangan yang telah dicapai oleh Balai Khazanah yang mendukung konsep ketamadunan yang lebih komprehensif dan mampu menghidupkan budaya ilmu melalui pemberiagan dan pengendalian aktiviti-aktiviti keilmuan.
  - Ingin mengetahui perancangan bagi pelaksanaan kajian dan penyelidikan dengan kerjasama institusi-institusi pengajian tinggi.
  - Ingin mengetahui jika ada peruntukan khas bagi menjayakan aktiviti-aktiviti program ilmiah yang boleh mengumpul cendikiawan serta ilmuan Islam di peringkat serantau dan antarabangsa.
- iv. Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis;
  - Ingin mengetahui bilakah peraturan-peraturan (lantikan-lantikan dan kenaikan-kenaikan pangkat pegawai-pegawai kerajaan) 1961 yang dikenali juga sebagai *General Orders* akan dibuat pindaan mengikut kesesuaian dan perubahan semasa.
  - Meminta penghuraian kedudukan negara dalam pencapaiannya kearah merealisasikan Wawasan Negara 2035, dan jika proses yang dilalui berjalan dengan lancar atau sebaliknya.
  - Memohon pencerahan mengenai usaha Jabatan Perdana Menteri dalam menyediakan pekerjaan yang produktif dan pembangunan negara yang lebih mantap.
  - Mencadangkan pengurangan siaran RTB daripada enam ke dua memandangkan konten yang disiarkan hampir sama.
- v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim;

- Mencadangkan supaya diadakan ikrar atau sumpah bagi pegawai dan kakitangan yang baharu untuk menekankan tanggungjawab yang dipikul.
- vi. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman;
- Menyarankan kepada pihak Radio Televisyen Brunei (RTB) khususnya pengisian rancangan atau bahan agar dapat lagi dipelbagaikan.
  - Mencadangkan untuk mereka yang menceburi bidang atau industri kreatif agar dapat diberikan peluang untuk mempelbagaikan rancangan televisyen.
  - Mencadangkan untuk mengkaji semula kos pembayaran bagi kakitangan-kakitangan yang bekerja di syarikat-syarikat penerbitan serta artis-artis tempatan, penyampai-penyampai televisyen dan radio.
- 1.1.1. Tajuk SA01A hingga tajuk SA10A – Jabatan Perdana Menteri telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.
- 1.1.2. Tajuk SA11A hingga tajuk SA26A – Jabatan Perdana Menteri telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA AHAD, 27 FEBRUARI 2022 JAM 9.30 PAGI]**

---